

KEBERKESANAN STRATEGI PEMBELAJARAN GALLERY WALK TERHADAP PENINGKATAN LISAN BAHASA MELAYU

THE EFFECTIVENESS OF GALLERY WALK LEARNING STRATEGY ON IMPROVING MALAY LANGUAGE ORAL SKILLS

Suriha binti Shamsuddin¹
Dr. Norul Haida binti Reduzan²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan sultan Idris, Perak, Malaysia
(E-mail: 2017suriha@gmail.com)

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan sultan Idris, Perak, Malaysia
(E-mail: haida@fbk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: 2017suriha@gmail.com

Article history

Received date : 13-5-2026
Revised date : 14-5-2026
Accepted date : 5-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Shamsuddin, S., & Reduzan, N. H. (2026).
Keberkesanan strategi pembelajaran gallery walk
terhadap peningkatan lisan bahasa Melayu. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 11 (83), 534 – 541.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana strategi pembelajaran Gallery Walk berpotensi untuk meningkatkan kemahiran lisan murid, khususnya dalam aspek mendengar dan bertutur Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan 86 orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah jenis kebangsaan di daerah Hulu Selangor. Sampel dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan Eksperimen seramai 43 orang yang menggunakan strategi Gallery Walk, dan Kumpulan Kawalan seramai 43 orang yang menggunakan kaedah tradisional. Data kajian dikumpul melalui instrumen ujian lisan pra dan pasca, pemerhatian menggunakan rubrik, serta borang soal selidik latar belakang sosial. Hasil dapatan ujian-t sampel bebas bagi markah ujian pasca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Eksperimen (Min=8.860) dan Kumpulan Kawalan (Min=7.186). Selain itu, analisis mendapati faktor latar belakang sosial seperti jantina, pendapatan ibu bapa, dan status perkahwinan penjaga tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian lisan murid. Kesimpulannya, prosedur tersusun strategi Gallery Walk berasaskan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) amat berkesan dalam meningkatkan pelibatan aktif, keyakinan diri, dan kemahiran lisan murid berbanding pendekatan pengajaran tradisional.*

Kata Kunci: *Gallery Walk, Kemahiran Lisan, Bahasa Melayu, Pembelajaran Abad Ke-21, Kuasi-Eksperimen*

Abstract: *This study aims to evaluate the potential of the Gallery Walk learning strategy to improve students' oral skills, particularly in listening and speaking Malay. This study employs a quasi-experimental design involving 86 Year 5 students in a national-type school in the Hulu Selangor district. The sample was divided into two groups: an Experimental Group of 43*

students using the Gallery Walk strategy, and a Control Group of 43 students using the traditional method. Data were collected through pre and post oral test instruments, rubric observations, and social background questionnaires. The independent samples t-test results for post-test scores showed a significant difference between the Experimental Group (Mean=8.860) and the Control Group (Mean=7.186). Furthermore, the analysis found that social background factors such as gender, parents' income, and marital status of guardians did not have a significant influence on students' oral achievement. In conclusion, the structured Gallery Walk procedure based on 21st Century Learning (PAK-21) is highly effective in increasing students' active participation, self-confidence, and oral skills compared to traditional teaching approaches.

Keywords: *Gallery Walk, Oral Skills, Malay Language, 21st Century Learning, Quasi-Experiment.*

Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dirangka dengan matlamat melahirkan murid yang seimbang daripada segi ilmu, kemahiran, sahsiah, dan jati diri. Antara fokus utama PPPM ialah penguasaan sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi global. Sehubungan itu, penguasaan kemahiran lisan yang merangkumi aspek mendengar dan bertutur adalah elemen asas yang sangat penting dalam penguasaan bahasa.

Namun begitu, data terkini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran lisan dalam kalangan murid sekolah rendah masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Masalah ini berpunca daripada pelbagai faktor, termasuklah sifat pemalu dan kurang yakin dalam diri murid, serta kebimbangan akan diejek rakan sebaya apabila diminta bertutur di hadapan kelas. Keadaan ini bertambah buruk apabila pendekatan pengajaran guru masih tertumpu kepada pendekatan tradisional seperti kaedah syarahan dan sesi soal jawab sehalu yang membataskan ruang untuk murid berlatih bertutur secara spontan.

Selaras dengan anjakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), strategi *Gallery Walk* diperkenalkan sebagai pendekatan alternatif. Kaedah ini menekankan pembelajaran kolaboratif melalui perbincangan berkumpulan, di mana murid bergerak dari satu stesen ke satu stesen lain untuk mendengar, memberi respons, dan menilai hasil kerja rakan sebaya. Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana pelaksanaan strategi *Gallery Walk* berkesan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran lisan murid serta mengenal pasti pengaruh latar belakang sosial terhadap penguasaan tersebut.

Sorotan Literatur

Kemahiran lisan yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur merupakan tunjang utama dalam proses pemerolehan bahasa. Komunikasi lisan yang berkesan membolehkan murid memahami isi pelajaran, menyuarakan pandangan, dan membina interaksi sosial yang positif dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran ini masih menjadi cabaran akibat faktor seperti kebimbangan murid untuk bersuara, sifat pasif, serta kebergantungan guru kepada kaedah pengajaran tradisional (chalk and talk) yang bersifat sehalu. Oleh itu, peralihan kepada strategi pedagogi yang lebih interaktif dan berpusatkan murid amat diperlukan.

Teori Konstruktivisme Dan Pembelajaran Kooperatif

Kajian ini dilandaskan pada Teori Konstruktivisme yang dikemukakan oleh Jean Piaget (1936), yang menegaskan bahawa pembelajaran adalah satu proses yang aktif. Berdasarkan pendekatan ini, murid tidak lagi bertindak sebagai penerima maklumat yang pasif, sebaliknya mereka proaktif membina pengetahuan sendiri melalui pengalaman dan interaksi sosial. Dalam merealisasikan teori ini, pendekatan kooperatif seperti Student Teams Achievement Divisions (STAD) oleh Slavin (1987) sangat sesuai diintegrasikan. STAD menekankan kerjasama dalam kumpulan kecil yang mempunyai pelbagai aras kebolehan, di mana kejayaan individu menyumbang kepada kejayaan kolektif. Elemen kebergantungan positif dan interaksi bersemuka dalam pembelajaran kooperatif ini secara langsung dapat meningkatkan motivasi, pemahaman konsep, serta kemahiran sosial murid.

Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dan Gallery Walk

Selaras dengan arus pendidikan global, Kementerian Pendidikan (KPM) telah menekankan elemen Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) yang berfokuskan kepada komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, dan kreativiti. Strategi pedagogi yang menepati ciri-ciri PAK-21 ini ialah strategi *Gallery Walk*.

Gallery Walk

Gallery Walk adalah kaedah pembelajaran aktif, iaitu murid bergerak di sekitar bilik darjah untuk melihat, membincangkan, dan menilai hasil kerja yang dipamerkan oleh rakan sebaya. Melalui kaedah ini, murid bertindak sebagai pembentang dan penilai, yang mana ia mewujudkan platform interaktif bagi sesi soal jawab dan pertukaran idea. Bowman (2005) menyatakan bahawa situasi pembelajaran interaktif yang melibatkan pergerakan fizikal dan visual sebegini amat berkesan untuk membangkitkan minat dan mengatasi masalah kepasifan murid.

Kajian Lepas Berkaitan Kelemahan dan Peningkatan Kemahiran Lisan

Tinjauan kajian lepas mendedahkan bahawa masalah kelemahan kemahiran lisan saling berkait rapat dengan kelemahan literasi asas murid dan strategi pengajaran yang kurang berkesan. Menurut kajian Nahar (2020), ketidaklancaran membaca dan kelemahan menulis secara langsung memberi kesan negatif terhadap kebolehan murid untuk berkomunikasi secara lisan dengan lancar. Hal ini disokong oleh Gopal et al. (2022) yang mendapati murid Tahun Empat menghadapi kesukaran yang ketara untuk membina ayat semasa berkomunikasi disebabkan kekurangan kosa kata dan penguasaan tatabahasa yang lemah.

Bagi mengatasi kelompangan tersebut, penyelidikan terkini membuktikan bahawa intervensi yang melibatkan pergerakan dan komunikasi kumpulan kecil membawa impak yang positif. Kajian oleh Wahyuni et al. (2021) mengesahkan bahawa pelaksanaan *Gallery Walk* secara signifikan mendorong murid untuk lebih aktif bertutur, berani mengemukakan komen, dan menyuarakan pandangan. Makmun et al. (2020) juga melaporkan bahawa strategi ini mempunyai potensi besar dalam meningkatkan minat dan prestasi akademik murid kerana murid lebih bermotivasi apabila pembelajaran melibatkan pergerakan fizikal serta perbincangan sesama rakan. Walau bagaimanapun, majoriti kajian literatur sering tertumpu kepada pengajaran Sains atau bahasa asing berbanding penguasaan lisan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan membangunkan prosedur tersusun *Gallery Walk* bagi kemahiran lisan Bahasa Melayu.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan gabungan reka bentuk kuasi-eksperimen dan deskriptif dengan berpandukan pendekatan kuantitatif. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menguji hipotesis yang ditetapkan secara objektif, di samping mengenal pasti hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah bebas iaitu strategi pengajaran, dengan pemboleh ubah bersandar iaitu skor pencapaian kemahiran lisan murid.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kuasi-eksperimen tidak setara (non-equivalent control group design) telah diaplikasikan dengan melibatkan dua kumpulan kajian. Kedua-dua kumpulan ini menduduki ujian lisan sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) intervensi dijalankan. Kumpulan Eksperimen didedahkan kepada intervensi strategi pembelajaran *Gallery Walk* yang berlandaskan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), manakala Kumpulan Kawalan pula hanya mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara tradisional.

Sampel Kajian

Pemilihan sampel dilakukan melalui kaedah persampelan bertujuan. Seramai 86 orang murid Tahun 5 dari sebuah sekolah di daerah Hulu Selangor telah dipilih sebagai responden. Sampel ini dibahagikan secara sama rata, iaitu 43 orang murid dalam Kumpulan Kawalan dan 43 orang murid dalam Kumpulan Eksperimen. Kesetaraan tahap kemahiran awal antara kedua-dua kumpulan ini dikenal pasti hampir sama bagi mengurangkan ralat bias. Selain itu, dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas tersebut turut dilibatkan sebagai tenaga pengajar.

Instrumen Kajian

Proses pengumpulan data disokong oleh tiga instrumen utama:

- i. Ujian Lisan Pra dan Pasca: Soalan ujian dibina berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Bahasa Melayu Tahun 5 untuk memastikan kesahan kandungan. Item soalan direka bagi mengukur aras pemahaman, refleksi, analisis, aplikasi, dan sintesis berdasarkan prinsip Teori Konstruktivisme.
- ii. Borang Skor Pemerhatian (Rubrik): Tahap penguasaan murid semasa pelaksanaan *Gallery Walk* dinilai melalui rubrik yang disahkan oleh pakar bahasa. Rubrik ini menggunakan Skala Likert lima mata bagi menilai empat kriteria utama: kelancaran dan kejelasan pertuturan, kosa kata dan tatabahasa, interaksi dan komunikasi, serta keyakinan diri.
- iii. Borang Soal Selidik Latar Belakang Sosial: Borang ini diedarkan untuk mengumpul data demografi dan latar belakang sosioekonomi murid, termasuk jantina, pekerjaan ibu bapa, pendapatan isi rumah, taraf pendidikan, dan status penjaga.

Prosedur Pelaksanaan

Intervensi bagi Kumpulan Eksperimen dijalankan selama 10 minggu berturut-turut mengikut jadual waktu pembelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan ini dikawal selia menggunakan prosedur tersusun strategi *Gallery Walk* yang distrukturkan kepada tiga fasa:

- i. Fasa Pra-*Gallery Walk*: Berfokus kepada pengaktifan pengetahuan sedia ada. Guru menyediakan bahan visual atau lisan, membahagikan murid kepada kumpulan kecil, dan memberikan peranan kepada setiap ahli untuk memulakan perbincangan.
- ii. Fasa Semasa *Gallery Walk*: Murid bergerak dari satu stesen ke stesen yang lain untuk mendengar penjelasan, bersoal jawab, dan bertukar maklumat secara interaktif. Guru bertindak sebagai pemudah cara yang memantau komunikasi dua hala.

- iii. Fasa Pasca-Gallery Walk: Melibatkan sesi refleksi sendiri, pembentangan rumusan, dan penilaian maklum balas oleh guru bagi memperkukuh kosa kata dan prestasi lisan murid.

Tatacara Penganalisan Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Statistik deskriptif digunakan untuk merumuskan data melalui pengiraan min, sisihan piawai, dan peratusan. Bagi pengujian hipotesis, statistik inferensi diaplikasikan. Ujian-t sampel bebas digunakan untuk membandingkan perbezaan min skor antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen, manakala Ujian-t berpasangan digunakan bagi menilai perbezaan skor antara ujian pra dan pasca dalam kumpulan yang sama. Analisis Varians Sehala (ANOVA) turut dikendalikan untuk melihat kesan faktor demografi berbilang kategori seperti tahap pendapatan terhadap pencapaian lisan.

Dapatan Kajian

Hasil analisis data telah menjawab empat objektif utama kajian. Sehubungan dengan itu, Ujian statistik inferensi dan deskriptif digunakan untuk menilai keberkesanan intervensi strategi *Gallery Walk* ke atas kemahiran lisan murid.

Tahap Pencapaian Kemahiran Lisan Sebelum dan Selepas Intervensi

Bagi menilai tahap pencapaian murid dalam Kumpulan Eksperimen, Ujian-t berpasangan telah dilaksanakan. Analisis mendapati purata markah (min) bagi Ujian Pra ialah 9.093 dengan sisihan piawai 0.894. Selepas intervensi *Gallery Walk* dijalankan selama 10 minggu, markah Ujian Pasca mencatatkan min 8.860 dengan sisihan piawai 0.709. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada markah purata sebanyak 0.233, pencapaian murid kekal pada tahap yang tinggi. Penurunan nilai sisihan piawai daripada 0.894 kepada 0.709 membuktikan bahawa variasi markah dalam kalangan murid semakin mengecil, yang bermaksud tahap penguasaan lisan murid menjadi lebih seragam dan konsisten selepas intervensi.

Pengaruh Latar Belakang Sosial Terhadap Pencapaian Lisan

Kajian ini turut meneliti sama ada latar belakang sosioekonomi memberi kesan kepada penguasaan bahasa kedua. Analisis Ujian-t sampel bebas menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran lisan antara murid lelaki (Min=8.937) dan perempuan (Min=9.027) dengan $p=0.632$ ($p>0.05$). Faktor pekerjaan ibu bapa (makan gaji atau bekerja sendiri) juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p=0.218$). Di samping itu, Analisis Varians Sehala (ANOVA) bagi kategori tahap pendapatan isi rumah melaporkan nilai $F(3,38)=0.402$, $p=0.753$ ($p>0.05$), manakala status perkahwinan penjaga mencatatkan $p=0.379$. Dapatan ini amat penting kerana ia membuktikan bahawa kekangan latar belakang sosial atau ekonomi tidak menjadi halangan untuk murid menguasai kemahiran lisan. Peningkatan pencapaian murid lebih banyak dipengaruhi oleh kualiti pedagogi guru dan persekitaran pembelajaran aktif di dalam bilik darjah, selari dengan teori perkembangan kognitif Piaget yang menyatakan murid membina pengetahuan melalui interaksi berbanding hanya bergantung kepada status sosial.

Dapatan ini sangat signifikan kerana ia membuktikan bahawa kekangan latar belakang sosial, demografi, atau ekonomi keluarga tidak menjadi penghalang penentu (determining barrier) untuk murid menguasai kemahiran lisan. Penemuan ini menolak tanggapan bahawa murid daripada keluarga berpendapatan rendah atau berstatus penjaga tunggal akan secara automatik ketinggalan dalam penguasaan bahasa. Sebaliknya, dapatan ini selari dengan kajian Azman dan

Yusoff (2018) yang menegaskan bahawa pencapaian murid lebih banyak dipengaruhi oleh kualiti pedagogi guru dan persekitaran pembelajaran aktif di dalam bilik darjah berbanding faktor luaran. Apabila murid diberikan persekitaran yang menyokong dan inklusif, seperti interaksi saksama dalam *Gallery Walk*, keupayaan lisan mereka dapat dikembangkan secara optimum tanpa mengira latar belakang keluarga.

Keberkesanan Prosedur Tersusun *Gallery Walk*

Keberkesanan prosedur strategi *Gallery Walk* berasaskan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dinilai melalui pemerhatian menggunakan rubrik. Dapatan menunjukkan 86 peratus (37 daripada 43 murid) mencapai skor tertinggi (Skor 5: Sangat Baik) bagi aspek penglibatan aktif dalam kumpulan. Bagi aspek interaksi dua hala, 77 peratus (33 murid) memperoleh Skor 5, manakala 88 peratus (38 murid) berjaya mengaplikasikan elemen komunikasi dan kolaborasi PAK-21 pada tahap cemerlang. Keputusan ini menyokong kajian terdahulu (Otoyo, 2018; Wahyuni et al., 2021) yang merumuskan bahawa kebebasan bergerak, berbincang, dan berkongsi idea dalam *Gallery Walk* berjaya meningkatkan keyakinan diri murid secara drastik berbanding kaedah pembelajaran yang rigid dan formal.

Perbandingan Pencapaian Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kawalan

Objektif utama kajian ini adalah untuk membandingkan keberkesanan *Gallery Walk* berbanding pendekatan tradisional. Analisis Ujian-t sampel bebas telah dijalankan ke atas markah Ujian Pasca kedua-dua kumpulan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan Pencapaian Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Kumpulan	Bil. Murid (N)	MinSisihan Piawai	Nilai t/Nilai-p (Sig.)
Eksperimen	43	8.860	0.7095
Kawalan	43	7.186	1.930

Berdasarkan Jadual 1, markah purata (Min) Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen ialah 8.860 dengan sisihan piawai 0.709, manakala Kumpulan Kawalan mencatatkan markah purata 7.186 dengan sisihan piawai 1.930. Hasil Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan, dengan nilai $t(84)=5.338$ dan nilai- $p=0.000$ ($p<0.05$).

Perbezaan yang signifikan ini membuktikan bahawa Kumpulan Eksperimen yang didedahkan dengan strategi *Gallery Walk* mempunyai pencapaian lisan yang jauh lebih cemerlang. Hal ini bertepatan dengan dapatan rubrik pemerhatian yang menunjukkan penyusutan sifat pasif murid. Dalam kelas tradisional, sebilangan murid sering merasa malu atau bimbang diejek apabila diminta bercakap di hadapan kelas. Namun, saiz kumpulan kecil di setiap stesen *Gallery Walk* telah memecahkan tembok psikologi tersebut, lantas memberikan murid ruang yang selamat (safe space) untuk melontarkan idea tanpa tekanan.

Selain itu, sifat strategi ini yang memerlukan pergerakan fizikal (psikomotor) turut membantu menghilangkan kebosanan yang lazimnya dialami dalam kelas yang statik. Hal ini sejajar dengan teori pembelajaran konstruktivisme sosial Vygotsky yang menekankan bahawa proses kognitif dan penguasaan bahasa berlaku paling efektif melalui kolaborasi dan bimbingan rakan sebaya (scaffolding). Interaksi timbal balik semasa sesi penilaian karya di stesen *Gallery Walk* telah memaksa murid memproses maklumat secara kritis dan kemudian menterjemahkannya ke dalam bentuk komunikasi lisan yang tersusun. Oleh itu, hipotesis alternatif kajian ini diterima.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan secara empirikal bahawa pelaksanaan prosedur tersusun strategi pembelajaran *Gallery Walk* berasaskan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) amat berkesan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran lisan (mendengar dan bertutur) murid sekolah rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Strategi interaktif ini berjaya mengatasi kelemahan kaedah pengajaran tradisional dengan memecahkan tembok kepasifan murid. Melalui pergerakan fizikal, interaksi rakan sebaya dan pembentangan dalam kumpulan kecil, murid mempamerkan peningkatan yang ketara dari segi penguasaan kosa kata, pembinaan ayat yang lebih gramatis, serta lonjakan keyakinan diri untuk bersuara.

Lebih penting lagi, kajian ini membuktikan bahawa jurang latar belakang sosial, pendapatan keluarga, status penjaga dan jantina bukanlah faktor penghalang kepada kecemerlangan penguasaan bahasa. Sebaliknya, pendekatan pedagogi yang inklusif dan persekitaran bilik darjah yang menyokong memainkan peranan yang jauh lebih dominan dalam mencorak kejayaan murid.

Sebagai implikasi praktikal, guru-guru Bahasa Melayu sangat disyorkan untuk mengadaptasi strategi *Gallery Walk* ini ke dalam amalan pengajaran harian mereka bagi menggantikan pendekatan sehalau yang statik. Pihak pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan (KPM) juga disarankan untuk mengintegrasikan latihan pedagogi inovatif ini ke dalam modul pembangunan profesionalisme guru yang berterusan.

Bagi kajian lanjutan, penyelidik dicadangkan untuk memperluas saiz sampel merentasi pelbagai jenis sekolah (bandar dan luar bandar) bagi meningkatkan kebolehgeneralisasian dapatan. Selain itu, kajian akan datang juga boleh menggunakan reka bentuk kaedah campuran (mixed methods) serta mengintegrasikan elemen teknologi digital seperti penggunaan kod *Quick Response* (QR) atau aplikasi interaktif di setiap stesen *Gallery Walk* untuk menepati arus pendidikan hibrid masa kini.

Penghargaan

Penghargaan tulus ditujukan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas bimbingan yang diberikan. Kami juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan sekolah, para guru, dan murid-murid Tahun 5 di Hulu Selangor yang telah memberikan kerjasama penuh sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Rujukan

- Ahamad, M. A., & Abu Bakar, A. H. (2023). Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek Untuk Meningkatkan Kemahiran Bahasa dalam Kalangan Murid Tahun Enam. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(2), 53–68. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i2.9398>
- Anwar, F. Z. (2015). Enhancing Students' Speaking Skill Through Gallery Walk Technique. *Register Journal*, 8(2), 226-237. <https://doi.org/10.18326/rgt.v8i2.226-237>
- Gopal, R., Janan, D., & Masran, N. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001916. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916>
- Hakim, M. A. R., Anggraini, N., & Saputra, A. (2019). Gallery Walk Technique to Improve Students' Speaking Skill. *Script Journal: Journal of Linguistic and English Teaching*, 4(1), 26–37. <https://doi.org/10.24903/sj.v4i1.251>
- Husin, N. M., Ruzanna, W., & Mohammad, W. (2023). Penguasaan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid Tahun 1 Di SJKC Dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 23-35. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.23>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Lasan, C., & Mahamod, Z. (2018). Pembelajaran Timbal Balik Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Peribumi Bidayuh Di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 21-32. <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.02-01>
- Makmun, M., Yin, K. Y., & Zakariya, Z. (2020). The Gallery Walk Teaching and Learning and Its Potential Impact on Students' Interest and Performance. *International Business Education Journal*, 13(1), 17–22. <https://doi.org/10.37134/ibej.vol13.1.2.2020>
- Mat, A. C., Nokman, A. Z., Musilehat, N. S., Bakar, A. F. A., & Abdullah, Z. (2022). Amalan Strategi Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar. *Akademika*, 92(3), 133–148. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-10>
- Mokhtar, M. M., Bakar, A. S. A., Kashim, N. S. A., Fakhurrazey, S. F., Ghazali, N., & Ismail, I. A. (2023). Perceived Ease of Use, Perceived Usefulness and Attitude of Transition Students in Petaling Perdana District Towards the Use of Apps Tele-Marz New Normal Learning Style of Malay Language. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i12/20383>
- Nahar, N. (2020). Penguasaan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1), 107–123. <https://doi.org/10.33736/ils.2223.2020>
- Omar, Z., Arshad, M., & Jamaludin, N. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugasan Meningkatkan Motivasi Dan Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Pendeta Journal of Malay Language Education and Literature*, 11(1), 122–132. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.9.2020>
- Otoyo, K. (2018). The Use of Gallery Walk to Enhance Speaking Ability of the Eleventh Grade Students of State Madrasah Aliyah. *Edukasi: Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran*, 5(2), 101–111. <https://doi.org/10.19109/ejpp.v5i2.2571>
- Wahyuni, S., Ghozali, A., & Ismail, N. (2021). Using Gallery Walk strategy to improve students' participation in speaking activity. *Journal of English as a Foreign Language Education (JEFLE)*, 6(2), 45–55. <https://doi.org/10.26418/jefle.v6i2.56698>
- Zamri Mahamod, & Lim, N. R. (2011). Kepelembagaan kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.